



## KENYATAAN MEDIA

### **SWM ENVIRONMENT PERKUKUH HUBUNGAN BAIK BERSAMA MEDIA**

---

**(Seremban, 29 Januari 2019) SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment)** memperkukuhkan lagi hubungan baik dengan pengamal media Negeri Sembilan melalui penganjuran Majlis Makan Malam SWM Environment Bersama Media di Seremban.

Penganjuran majlis makan malam ini juga sebagai salah satu aktiviti penghargaan pihak pengurusan kepada pengamal media di Negeri Sembilan yang telah banyak membantu pihak syarikat dalam menyampaikan maklumat, menyalurkan kesedaran awam dan menjadi medium ilmu kepada masyarakat dengan lebih berkesan.

“Pihak media telah banyak menyalurkan maklumat berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal dan program kitar semula kepada rakyat di Negeri Sembilan,” kata Ketua Pegawai Operasi SWM Environment, Encik Ho De Leong.

Katanya, media Negeri Sembilan juga sentiasa memberikan komitmen di setiap program anjuran SWM Environment dan pihak pengurusan amat menghargai setiap bantuan yang diberikan.

Antara program utama pihak syarikat yang mendapat perhatian para pengamal media di Negeri Sembilan adalah program tanggungjawab sosial korporat dibawah jenama SWM Kasih yang dilaksanakan sejak tahun 2016 mensasarkan golongan-golongan sasaran tertentu dalam membantu membuat persiapan menyambut perayaan utama. Antara produk di bawah jenama SWM Kasih ialah SWM Kasih Misi Sampul Merah, SWM Kasih Santun Ramadan, SWM Kasih Senyum Syawal dan SWM Kasih Cahaya Deepavali.

Tambah beliau lagi, program terbaru pihak syarikat adalah program KITAR3cycle iaitu program ganjaran melalui pengumpulan barang-barang kitar semula.

Penduduk perlu menjadi ahli berdaftar KITAR3cycle dan diberikan pelekat kod bar untuk ditampalkan di atas beg plastik barang kitar semula bagi membolehkan mereka mengumpul mata ganjaran. Kutipan barang KITAR3cycle ini akan dilakukan oleh pihak SWM Environment.

Penduduk atau komuniti yang berminat untuk menyertai program KITAR3cycle boleh menghubungi Encik Daniel Sahrill Bin Abd Hadi di talian 019-202 4525 atau emel: [daniel.sahrill@swmsb.com](mailto:daniel.sahrill@swmsb.com).

Bagi sebarang aduan atau pertanyaan sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau layari <http://microsite.swm-environment.com/> bagi maklumat lanjut.



**TAMAT**

**'PERKHIDMATAN BERKUALITI KEUTAMAAN KAMI'**

---

**FAKTA**

**SWM ENVIRONMENT SDN BHD**

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 6,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.